Nama: Kelas:

Seni Bahasa

Pesananku

Wahai kawan
dengarlah luahanku ini
janganlah dibuang
minyak masak terpakai
kitarlah semula
agar alam ini terpelihara.

Wahai rakan
alangkah baiknya
jika bersama-sama
kita mengolah semula
minyak masak terpakai
menjadi sabun untuk cucian.

Wahai teman
andainya ada
minyak masak terpakai
usahlah dicurahkan
kerana kita mampu
memprosesnya menjadi lilin
untuk sinari kegelapan.

Hasdi
Johor Bahru

IMBAS SAYA

Jom bersajak
bersama-sama
dengan saya

Aktiviti

Mendeklamasikan sajak dan menyatakan maksud sajak.

Nota Guru 4.2.3 (ii)

- Murid mendeklamasikan sajak dengan sebutan dan intonasi yang betul dan sesuai.

KB – Menghubung kait KP – Verbal linguistik
EMK: Nilai Murni – Prihatin

BA2: 27

AKTIVITI

Arahan: Anda diminta merakam deklamasi sajak oleh anda sendiri dan hantar rakaman tersebut kepada guru anda. Kemudian, jawab soalan pemahaman di bawah.

1. **Apakah jenis puisi yang dipelajari pada hari ini?**

Pantun **Sajak** **Syair**

2. **Siapakah penulis sajak "Pesananku" ?**

Siti Nurhaliza, Pahang **Cikgu Haz, Selangor** **Hasdi, Johor**

3. **Bahan-bahan berikut boleh dihasilkan daripada minyak masak terpakai, kecuali ?**

Berus gigi **Lilin** **Sabun**

Disediakan Oleh
Cikgu Rosafandi Rosli

Klik sini

LIVEWORKSHEETS